



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

Bil. 30 / 2024

**URUSAN PILIHAN RAYA KECIL
DEWAN NEGERI DEWAN NEGERI
N.29 MAHKOTA, JOHOR**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad Bin Zarkashi, Speaker Dewan Negeri Johor**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor**.
2. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini, **13 Ogos 2024 (Selasa)** dan memutuskan satu **Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor** hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut.
3. Bagi maksud menjalankan PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti berikut:

Tarikh Writ	:	13 Ogos 2024 (Selasa)
Hari Penamaan Calon	:	14 September 2024 (Sabtu)
Hari Undi Awal	:	24 September 2024 (Selasa)
Hari Mengundi	:	28 September 2024 (Sabtu)

4. Tempoh berkempen ditetapkan **14 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding pada **14 September 2024 (Sabtu)** sehingga pukul **11.59 malam, 27 September 2024 (Jumaat)**.
5. Urusan permohonan semua kategori undi pos luar negara dan dalam negara bagi PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor dibuka bermula dari hari ini, **13 Ogos 2024 (Selasa)**. Manakala tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Tarikh Tutup
1	1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media)	11 September 2024 (Rabu)
2	1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara)	26 Ogos 2024 (Isnin)
3	1C (Agensi / Organisasi)	26 Ogos 2024 (Isnin)

6. **Permohonan undi pos adalah secara dalam talian (*online*)**. Maklumat lanjut dan panduan permohonan undi pos boleh dirujuk melalui **Portal SPR, www.spr.gov.my**.
7. Bagi menjalankan proses PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor, SPR telah melantik **seorang (1) Pegawai Pengurus Pilihan Raya** dibantu oleh **empat (4) orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR akan menubuhkan

satu (1) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.

8. Bagi maksud PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor, **Pusat Penamaan Calon (PPC)** dan **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** yang digunakan adalah di **Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Kluang**.
9. Seramai **1,126 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor. Manakala, sebanyak **20 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **109 tempat mengundi/saluran** dan **tiga (3) pusat mengundi awal** yang mengandungi **11 tempat mengundi/saluran awal** akan digunakan. Keseluruhan jumlah pusat mengundi adalah sebanyak **23 buah dengan 120 tempat mengundi/saluran**. PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor memerlukan peruntukan sebanyak **RM2.4 juta**.
10. Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang akan digunakan untuk PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor adalah **daftar pemilih terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan Bulan Jun 2024 yang dikemaskini sehingga 2 Ogos 2024**. DPPR ini mengandungi seramai **66,318 orang pemilih yang terdiri daripada 61,397 orang pengundi biasa dan 4,510 orang tentera serta pasangan, 401 anggota Polis dan 10 orang PTH luar negara**. DPPR bagi PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor, akan mula dijual pada **9 September 2024 (Isnin)**.

11. Para pengundi boleh membuat **semakan maklumat** pengundian untuk mengetahui maklumat **pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan** mereka melalui portal semakan di pautan **<https://mysprsemak.spr.gov.my>** atau hubungi **Hotline SPR di talian 03-8892 7218** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**. Semakan maklumat pengundian akan **dibuka pada 9 September 2024 (Isnin)**.
12. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor, agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah digalakkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.
13. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di PPC yang telah ditetapkan oleh SPR.
14. Pada PRK ini juga, SPR turut menawarkan kepada **mana-mana agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau badan yang berminat** untuk menjadi **pemerhati pilihan raya**

dalam melihat perjalanan **proses PRK** ini bermula dari **hari penamaan calon sehingga keputusan pilihan raya diumumkan**. Mereka dibenarkan untuk membuat pemerhatian seperti **di pusat penamaan calon, pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan pusat penjumlahan rasmi undi** serta perlu mematuhi kesemua syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan.

15. **Maklumat lanjut dan borang permohonan** untuk pemerhati boleh diperolehi daripada **Portal SPR www.spr.gov.my mulai hari ini, 13 Ogos 2024 (Selasa)** dan **tarikh tutup permohonan pada 28 Ogos 2024 (Rabu)**.
16. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi *live streaming* bagi Pusat/Saluran Mengundi yang terpilih di laman *Facebook* SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada pilihan raya sebelum ini.
17. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `**Jom Kita Undi**` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik tumpuan awam dan tempat-tempat lain yang bersesuaian.

Sekian dan terima kasih.

Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun
Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
13 Ogos 2024 / 8 Safar 1446H